




PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)


Versi : 9

Tarikh Kkuatkuasa : 1 Julai 2015


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 1/32

1. ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KANDUNGAN	1 - 2
2	TERMINOLOGI DAN DEFINISI	3 - 4
3	LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF	5
4	KONSEP PENILAIAN DAN LATIHAN	6
5	SYARAT KEMASUKAN	6
6	TAKWIM LATIHAN	8
7	TEMPOH LATIHAN	9
8	STRUKTUR KURSUS	10
	8.1 Bahasa Pengantar	10
	8.2 Struktur Kurikulum:	10
	8.2.1 Modul Teras	11
	8.2.2 Modul Umum	11
	8.2.3 Ko-Kurikulum	11
	8.2.4 Projek Tahun Akhir (PTA)	11
	8.2.5 Latihan Industri (LI)	12
9	PENDAFTARAN	12
	9.1 Pendaftaran Pelajar Baru	12
	9.2 Pendaftaran Pelajar Sedia Ada	13
	9.3 Daftar Modul	13


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 2/32

10	SKEMA KREDIT	14
11	SISTEM GRED	15
12	SISTEM NILAIAN MATA	16 – 18
13	STATUS PENCAPAIAN KURSUS	19
14	PENILAIAN	20 -21
	14.1 Kerja Kursus	21 – 22
	14.2 Ulang Nilai	22
	14.3 Peperiksaan Akhir	23
	14.4 Peperiksaan Ulangan	24
	14.5 Peperiksaan Khas	24 – 25
	14.6 Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir	25 – 26
	14.7 Keputusan Peperiksaan Akhir	26 – 27
	14.8 Ko-Kurikulum	27
	14.9 Projek Tahun Akhir (PTA)	28
	14.10 Latihan Industri (LI)	28 – 29
	14.11 Ulang Modul	30
15	KEDUDUKAN AKADEMIK	30
	15.1 Status Akademik	30 – 31
	15.2 Rayuan Keputusan Akademik	32
16	PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN	32


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 3/32

2. TERMINOLOGI DAN DEFINISI

TERMINOLOGI	DEFINISI
Institut	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
ILP	Institut latihan Perindustrian
Kursus	Bidang pengajian yang ditawarkan oleh institut.
Silibus	Penggabungan komponen-kompenan modul yang ditawarkan dalam satu kursus.
Modul	Suatu pembelajaran yang dibentuk melalui penggabungan pengetahuan dan kemahiran tertentu.
Pelajar	Individu yang telah menyempurnakan pendaftaran program dan mengikuti pengajian di institut.
Kerja Kursus (KK)	Komponen penilaian yang dilaksanakan dalam kursus berkenaan dari masa ke semasa.
Peperiksaan Akhir (PA)	Komponen penilaian keseluruhan yang dijalankan pada penghujung kursus.
Latihan Industri (LI)	Latihan di premis pekerjaan dalam bidang berkaitan.
Projek Tahun Akhir (PTA)	Penghasilan satu projek dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 4/32

TERMINOLOGI	DEFINISI
PNG (GPA)	Purata Nilai Gred (<i>Grade Point Average</i>)
PNGK (CGPA)	Purata Nilai Gred Kumulatif (<i>Cumulative Grade Point Average</i>)
Kredit Dapat	Jumlah kredit lulus bagi semua kursus.
Kredit Ambil	Jumlah kredit yang diambil dalam satu semester
Kredit Kira	Jumlah kredit yang diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
Kredit Graduasi	Jumlah kredit yang diperlukan bagi bergraduati.
Sijil	Kelayakan yang dianugerahkan kepada pelajar setelah memenuhi keperluan persijilan.
MJKPP	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan bagi membincangkan skop penilaian, peperiksaan dan persijilan di peringkat Institut.
MJPP	Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bagi membincangkan skop penilaian, peperiksaan dan persijilan di peringkat Jabatan.
Jawatankuasa Rayuan Akademik	Jawatankuasa di peringkat JTM yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, wakil Institut dan urusetia.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 5/32


3. LATAR BELAKANG DAN OBJEKTIF

Ekonomi negara yang semakin berkembang mendorong permintaan bilangan tenaga kerja mahir negara bagi memenuhi keperluan industri negara. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sentiasa berusaha melahirkan graduan berketerampilan dan memperolehi pekerjaan berpendapatan tinggi.

Panduan Sistem Latihan Kemahiran dan Penilaian ini digunakan oleh semua program yang dipersijilkan oleh jabatan. Objektif utama dalam pelaksanaan penilaian ini diantaranya:-

- (a) Memberi suatu jaminan mutu keterampilan graduan keluaran ILJTM pada tahap optimum melalui penilaian lebih telus, adil, komprehensif dan sahih.
- (b) Mewujudkan persaingan dikalangan pelajar untuk mendapatkan nilai gred (PNGK) yang tinggi dan lebih baik sebagai tanda tahap pencapaian dan kepuasan latihan.
- (c) Memberi satu metodologi penilaian yang berasaskan soalan-soalan yang seragam, sistem penilaian yang lebih adil, berkaitan dan memenuhi ciri kemahiran bagi memastikan kualiti pelajar ILJTM.
- (d) Membentuk sikap bertanggungjawab dan kesungguhan pelajar dan personel dalam penilaian bagi mencapai keterampilan yang ditetapkan.

Panduan Sistem Latihan Kemahiran dan Penilaian ILJTM ini dibaca bersama dengan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 6/32

4. KONSEP PENILAIAN DAN LATIHAN


Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menjalankan sistem penilaian yang mematuhi konsep keterampilan berasaskan kemahiran.

Latihan yang dijalankan adalah berasaskan kepada silibus yang telah dibangunkan bagi memenuhi standard kemahiran kebangsaan dan keperluan industri semasa.

5. SYARAT KEMASUKAN

Pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti program ini perlu memenuhi syarat kemasukan am seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Boleh membaca, menulis dan mengira;
- (c) Lulus SPM atau yang setaraf (bergantung kepada kursus yang dipohon);
- (d) Syarat-syarat tambahan yang ditetapkan (mengikut keperluan kursus).

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 7/32


6. TAKWIM LATIHAN

Takwim latihan dibahagi kepada dua sesi iaitu Sesi 1 dan Sesi 2 seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

SESI 1	MINGGU
Sesi Latihan	10 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	10 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
Jumlah	22 Minggu
Cuti Semester	3 Minggu

SESI 2	MINGGU
Sesi Latihan	10 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	10 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
Jumlah	22 Minggu
Cuti Semester	3 Minggu


Jadual 1: Takwim Latihan di ILP

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 8/32

SESI 1	MINGGU
Sesi Latihan	9 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	9 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
Jumlah	20 Minggu
Cuti Semester	5 Minggu

SESI 2	MINGGU
Sesi Latihan	9 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	9 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
Jumlah	20 Minggu
Cuti Semester	5 Minggu

Jadual 2: Takwim Latihan di ADTEC

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 9/32

7. TEMPOH LATIHAN

Tempoh latihan bagi setiap program di ILJTM adalah mengikut program latihan sebagaimana yang telah ditetapkan samada di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan. Tempoh latihan bagi setiap persijilan adalah seperti Jadual 3.


PERINGKAT PERSIJILAN	KEMASUKAN	TEMPOH LAZIM (SEMESTER)	SEMESTER TAMBAHAN (HAD TANGGUH)
Sijil Juruteknik Perindustrian (SJP)	SPM	3	1
Sijil Teknologi Perindustrian (STP)	SPM	4 - 5	2
	SKM Tahap 2	2 - 3	1
Diploma Teknologi Perindustrian (DTP)	SPM	6	4
	SKM Tahap 3	3 - 4	2
Diploma Lanjutan Teknologi Perindustrian (DLTP)	DKM	4	2

Jadual 3 : Tempoh Latihan Mengikut Persijilan

Nota :

Semester Tambahan yang dibenarkan atas faktor kesihatan, keilatan atau lain-lain ialah maksimum empat semester.

Tempoh Latihan dan had tangguh setiap persijilan SEHINGGA sesi kemasukan Januari 2014 adalah mengikut ketetapan seperti di Lampiran 1.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 10/32

8. STRUKTUR KURSUS

Struktur kursus adalah memenuhi standard dan keperluan yang ditetapkan oleh JTM.


8.1 Bahasa Pengantar

Bahasa pengantar yang digunakan oleh ILJTM adalah Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

8.2 Struktur Kurikulum

Struktur Kurikulum dibahagikan kepada:-

- (a) Modul Teras;
- (b) Modul Umum;
- (c) Ko-Kurikulum;
- (d) Projek Tahun Akhir (Diploma dan Diploma Lanjutan sahaja);
- (e) Latihan Industri.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 11/32

8.2.1 Modul Teras

Modul spesifik bagi kompetensi tertentu dalam sesuatu kursus kemahiran.

8.2.2 Modul Umum


Modul sokongan dalam latihan bagi meningkatkan pengetahuan dalam mengaplikasikan pelaksanaan modul teras dan pembentukan sahsiah pelajar.

8.2.3 Ko-Kurikulum

Ko-kurikulum merupakan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan disiplin, pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan keyakinan diri pelajar. Kegiatan ko-kurikulum yang dijalankan adalah berdasarkan aktiviti yang dibenarkan oleh jabatan.

8.2.4 Projek Tahun Akhir (PTA)

PTA dilaksanakan oleh pelajar secara individu atau berkumpulan berkaitan dengan bidang pengkhususan masing-masing dan ianya diwajibkan untuk pelajar di peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan. PTA terbahagi kepada dua peringkat iaitu PTA 1 dan PTA 2.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 12/32

8.2.5 Latihan Industri (LI)

Latihan Industri adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang keadaan dan suasana kerja sebenar di industri.


LI diwajibkan kepada semua pelajar dan dijalankan selama tiga hingga enam bulan pada semester akhir di industri-industri yang dikenalpasti mengikut kursus yang ditawarkan kecuali bagi program yang tertakluk kepada badan Persijilan Profesional.

Pelajar tidak dibenarkan menjalani latihan di industri tanpa mendapat kelulusan dari pihak pengurusan institut;

9. PENDAFTARAN

9.1 Pendaftaran Pelajar Baru

- (a) Pelajar dikehendaki mendaftar di institut pada tarikh yang ditetapkan;
- (b) Tawaran kemasukan adalah terbatal dengan sendirinya jika pelajar tidak mendaftar di institut dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) Pelajar tidak dibenarkan menukar kursus yang ditawarkan **kecuali** mendapat kelulusan pihak berkuasa institut.


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 13/32

9.2 Pendaftaran Pelajar Sedia Ada

Pelajar dikehendaki mendaftar pada tarikh yang ditetapkan oleh institut.

9.3 Daftar Modul

- (a) Pelajar dikehendaki mendaftar modul yang ditawarkan dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh lapor diri sesi latihan semasa;
- (b) Pelajar yang telah mendaftar sesuatu modul hendaklah mengikuti sepenuhnya aktiviti pembelajaran bagi modul tersebut;
- (c) Pelajar yang menangguh pengajian dikehendaki mendaftar modul dalam tempoh yang ditetapkan Institut;
- (d) Ulang Modul (UM):
 - (i) Pelajar yang gagal sesuatu modul dikehendaki mengulang modul berkenaan dalam tempoh latihan yang dibenarkan;
 - (ii) Pelajar perlu mendapat nasihat dan pengesahan dari Ketua Bahagian atau Ketua Jabatan masing-masing sebelum mendaftar modul ulangan tersebut;
 - (iii) Pelajar yang mengikuti latihan tanpa mendaftar modul ulangan pada semester berkenaan segala penilaian bagi modul tersebut tidak akan diambil kira.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 14/32

10. SKEMA KREDIT

ILJTM menggunakan sistem unit kredit di mana setiap unit kredit adalah bersamaan dengan 30 jam latihan bagi ILP dan 27 jam latihan bagi ADTEC. Pentakrifan bagi 1 unit kredit adalah meliputi aktiviti – aktiviti seperti berikut:-


- (a) Bagi ILP, jumlah jam bersemuka meliputi kelas teori dan amali (1.5 jam x 20 minggu = 30 jam);
- (b) Bagi ADTEC, jumlah jam bersemuka meliputi kelas teori dan amali (1.5 jam x 18 minggu = 27 jam);
- (c) Jumlah jam penilaian (tidak termasuk peperiksaan akhir).

Gabungan komposisi masa di atas membentuk jam pembelajaran pelajar yang bermaksud 'masa pembelajaran efektif'.

Maksimum kredit yang boleh diambil termasuk modul yang diulang ialah 22 kredit.

Bagi tujuan penganugerahan sijil/ diploma/ diploma lanjutan, jumlah kredit bergraduasi adalah merujuk kepada struktur kursus dan tertakluk kepada minimum kredit yang ditetapkan.

Pengiraan PNGK bagi Ulang Modul (UM), kredit kira dan mata nilai terkini modul yang diulang akan diambikira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dikekalkan.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 15/32

11. SISTEM GRED


Prestasi pelajar bagi sesuatu modul dinilai berdasarkan sistem gred seperti Jadual 4.

MARKAH (%)	GRED	MATA NILAI	STATUS
90 - 100	A	4.00	LULUS
80 - 89	A –	3.67	CEMERLANG
70 - 79	B+	3.33	LULUS BAIK
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	LULUS
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	GAGAL
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

Jadual 4 : Sistem Gred

Pelajar yang gagal (gred C- hingga gred E) perlu mengulang bagi modul tersebut.

Pengesahan keputusan adalah tertakluk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan (MJKPP) peringkat institut.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 16/32

12. SISTEM NILAIAN MATA


Purata Nilai Gred (PNG), dikira dengan mengambil jumlah mata nilai didarab dengan kredit modul dan dibahagikan dengan kredit kira semester semasa.

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Modul)}}{\text{Kredit Kira Semester}}$$

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), ditentukan dengan mengira jumlah keseluruhan mata nilai didarab dengan unit kredit dan dibahagi dengan jumlah keseluruhan unit kredit untuk semua modul yang telah diambil dari awal pengajian sehingga kini.


$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Modul)}}{\text{Jumlah Kredit Kira}}$$

Contoh pengiraan PNG (Semester 1) dan PNGK (Semester 2) adalah seperti di dalam Jadual 5 dan Jadual 6.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 17/32

KURSUS	KREDIT	GRED	MATA NILAI	MATA NILAI X KREDIT
Keputusan Peperiksaan Bagi Semester Satu (1)				
<i>Electric Circuit</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Electronic Instrumentation and Measurement</i>	2	B	3.00	6.00
<i>Computer Assemble and Upgrading</i>	3	A-	3.67	11.01
<i>Engineering Mathematic I</i>	2	C+	2.33	4.66
<i>Applied Science I</i>	2	B-	2.67	5.34
<i>Computer Application</i>	1	A-	3.67	3.67
<i>English I</i>	1	B+	3.33	3.33
<i>Islamic Education I</i>	1	A-	3.67	3.67
<i>Co-Curriculum I</i>	*1	LULUS		
Kredit Ambil	16			
Kredit Kira*	15	47.67		
<p>Nota : Kredit kira tidak termasuk <i>Co-Curriculum</i></p> $\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Modul)}}{\text{Kredit Kira Semester}}$ $\text{PNG} = \frac{47.67}{15}$ <p style="text-align: center;">= 3.18 (PNG yang diperolehi pada Semester 1)</p>				

Jadual 5 : Contoh Pengiraan PNG

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 18/32

KURSUS	KREDIT	GRED	MATA NILAI	MATA NILAI X KREDIT
Keputusan Peperiksaan Bagi Semester Dua (2)				
<i>Computer Maintenance and Troubleshooting</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Electronic Devices</i>	3	A-	3.67	11.01
<i>Digital Electronics</i>	2	B	3.00	6.00
<i>Desktop Operating System</i>	3	B+	3.33	9.99
<i>Industrial Safety</i>	1	B-	2.67	2.67
<i>Engineering Mathematics II</i>	2	B-	2.67	5.34
<i>Applied Science II</i>	2	C+	2.67	4.66
<i>English II</i>	1	B	2.33	3
<i>Islamic Education II</i>	1	A-	3.00	3.67
<i>Co-Curriculum II</i>	*1	LULUS		
Kredit Ambil	19			
Kredit Kira*	18	56.33		

Nota : Kredit kira tidak termasuk *Co-Curriculum*


PNG = $56.33 / 18 = 3.13$ (PNG Semester 2)

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah (Mata Nilai} \times \text{Kredit Modul)}}{\text{Jumlah Kredit Kira}}$$

$$= \frac{47.67 + 56.33}{15 + 18}$$

= 3.15 (PNGK yang diperolehi pada Semester 2)

Jadual 6 : Contoh Pengiraan PNGK


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 19/32

13. STATUS PENCAPAIAN KURSUS

Status pencapaian kursus menjelaskan tahap pencapaian dan status kursus bagi setiap pelajar seperti di dalam Jadual 7.

BIL.	STATUS	NAMA	DEFINISI
1.	L	Lulus	Status yang diberikan apabila markah kursus sama atau melebihi 50% dan memenuhi syarat yang ditetapkan.
2.	G	Gagal	Status yang diberikan apabila markah kursus adalah kurang daripada 50%.
3.	BH	Berhenti	Status yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk berhenti dari meneruskan latihan atau pelajar yang meninggal dunia.
4.	DBH	Diberhentikan	Status yang diberikan kepada pelajar yang diberhentikan oleh institut atas pelanggaran peraturan tata tertib.
5.	US	Ulang Semester	Status yang diberikan kepada pelajar yang gagal memenuhi syarat menduduki peperiksaan akhir, tidak hadir peperiksaan akhir dan meniru.
6.	TG	Tangguh	Status yang diberikan kepada pelajar disebabkan akademik, masalah kesihatan dan kes khas yang diluluskan.
7.	DK	Dikecualikan	Status yang diberi kepada pelajar yang dikecualikan dari mengambil modul tertentu.

Jadual 7 : Status Penilaian Modul

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 20/32

14. PENILAIAN

Pelajar dinilai secara berterusan setiap semester yang meliputi kerja kursus (Teori dan Amali) dan Peperiksaan Akhir (Teori dan Amali) seperti yang ditetapkan di dalam setiap modul.


Komposisi markah penilaian yang akan digunakan adalah berdasarkan kepada:-

- (a) Modul Teras
- (b) Modul Umum dan Modul Teras yang tiada komponen amali

Komposisi markah penilaian bagi setiap Modul Teras seperti di Jadual 8.

BIL.	PERINGKAT PERSIJILAN	KOMPONEN PENILAIAN			
		KERJA KURSUS		PEPERIKSAAN AKHIR	
		AMALI	TEORI	AMALI	TEORI
1.	Sijil	40%	20%	30%	10%
2.	Diploma	30%	20%	30%	20%
3.	Diploma Lanjutan	20%	20%	30%	30%

Jadual 8 : Komposisi Markah Bagi Modul Teras

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 21/32


Bagi Modul Umum dan Modul Teras yang tiada komponen amali, pemarkahan adalah sama untuk kursus di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan. Komposisi markah yang diambil untuk kerja kursus dan peperiksaan akhir bagi komponen teori adalah seperti di Jadual 9.

MODUL	MARKAH	
	KERJA KURSUS	PEPERIKSAAN AKHIR
Modul Teras (Tiada Amali)	50%	50%
Modul Umum	60%	40%

Jadual 9 : Komposisi Markah Bagi Modul Teras (Tiada Komponen Amali) dan Modul Umum

14.1 Kerja Kursus


- (a) Pelajar akan dinilai untuk menentukan prestasi dan keterampilan mereka melalui penilaian kerja kursus bagi setiap modul yang mengandungi komponen teori dan amali. Kaedah penilaian Kerja Kursus merangkumi tugas, kuiz, persembahan, projek, laporan dan ujian;
- (b) Penilaian kerja kursus yang mempunyai komponen amali hendaklah dijalankan **minimum empat penilaian** bagi setiap modul di mana ia merangkumi **dua penilaian komponen teori dan dua penilaian komponen amali**. Bentuk kerja kursus perlu diseimbangkan dan melibatkan ujian prestasi dan ujian pengetahuan bagi setiap komponen tersebut;

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 22/32

- (c) Penilaian kerja kursus yang tiada komponen amali pula hendaklah dijalankan **minimum empat penilaian** bagi setiap modul umum dan modul teras. Bentuk kerja kursus hendaklah meliputi sekurang-kurangnya **dua ujian pengetahuan** bagi setiap modul;
- (d) Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus yang ditetapkan di dalam setiap modul. Kegagalan pelajar menyempurnakan mana-mana penilaian akan diberi markah sifar;
- (e) **Keputusan kerja kursus dan peratus jumlah kehadiran mengikut modul (sehingga minggu 19 bagi ILP dan sehingga minggu 17 bagi ADTEC)** pelajar yang telah disahkan oleh Ketua Bahagian / Ketua Jabatan perlu dipaparkan untuk makluman pelajar pada minggu ke-20 bagi latihan di ILP manakala minggu ke-18 bagi latihan di ADTEC.


14.2 Ulang Nilai

- (a) Ulang nilai merupakan penilaian semula **Modul Teras** sahaja kepada pelajar yang memperolehi markah kerja kursus kurang daripada 50% pemberat bagi setiap komponen teori dan amali;
- (b) Ulang nilai mesti dijalankan sebelum peperiksaan akhir berlangsung dan hanya dibenarkan **SEKALI** sahaja bagi setiap komponen. Markah maksimum bagi Ulang Nilai ialah 50%.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 23/32

14.3 Peperiksaan Akhir

- (a) Peperiksaan Akhir akan dijalankan pada penghujung kursus;
- (b) Pelajar wajib untuk menduduki peperiksaan akhir;
- (c) Pelajar yang gagal hadir selepas 15 minit peperiksaan akhir bermula boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan yang sedang dilaksanakan;
- (d) Pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib semasa peperiksaan akhir seperti meniru/menipu akan dihalang daripada menduduki peperiksaan yang dijalankan dan diambil tindakan melalui Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan peringkat institut;
- (e) Kegagalan pelajar menghadiri peperiksaan akhir modul teras tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Institut akan menyebabkan keseluruhan penilaian kerja kursus tidak diambil kira;
- (f) Kegagalan pelajar menghadiri peperiksaan akhir modul umum tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Institut akan menyebabkan keseluruhan penilaian kerja kursus bagi modul berkenaan diberikan markah sifar (0). Pelajar diberikan Gred E dan dikehendaki untuk mengulang modul pada semester berikutnya;
- (g) Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh pihak pengurusan institut layak menduduki peperiksaan khas.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 24/32


14.4 Peperiksaan Ulangan

- (a) Peperiksaan Ulangan hanya dibenarkan untuk pelajar yang gagal Modul Umum sahaja;
- (b) Peperiksaan Ulangan hanya boleh diduduki sekali sahaja. Sekiranya gagal, pelajar wajib mengulang modul tersebut;
- (c) Markah peperiksaan ulangan akan menggantikan markah peperiksaan akhir sahaja manakala markah kerja kursus kekal. Markah maksimum yang diberi adalah 50%;
- (d) Peperiksaan Ulangan hendaklah dilaksanakan sebelum keputusan akhir disahkan dalam MJKPP peringkat institut.

14.5 Peperiksaan Khas

Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir boleh dipertimbangkan untuk menduduki Peperiksaan Khas bagi kes-kes seperti berikut:-

- (a) disahkan sakit oleh pegawai perubatan bertauliah;
- (b) kematian ibu / bapa / penjaga / suami / isteri / anak;
- (c) perlu memberi penjagaan rapi kepada ibu / bapa / penjaga / suami / isteri / anak; atau
- (d) sebab-sebab lain yang diluluskan oleh pihak institut.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 25/32

Bagi menduduki peperiksaan khas, pelajar perlu membuat permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan dan diluluskan oleh Pengarah Institut.


14.6 Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir

- (a) Pelajar hendaklah memenuhi syarat pemberat kerja kursus Modul Teras yang telah ditetapkan seperti Jadual 10;

PERINGKAT PERSIJILAN	TEORI (%)	LULUS MINIMUM (%)	AMALI (%)	LULUS MINIMUM (%)
SIJIL	20	10	40	20
DIPLOMA	20	10	30	15
DIPLOMA LANJUTAN	20	10	20	10

Jadual 10 : Peratus pemberat kerja kursus

- (b) Markah kerja kursus perlu mencapai 50% pemberat bagi komponen amali dan teori (tertakluk pada modul teras sahaja). Pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan akhir modul teras tetapi tidak dinilai bagi modul yang tidak memenuhi syarat minimum kerja kursus;
- (c) Pelajar hendaklah memenuhi syarat kehadiran yang telah ditetapkan bagi setiap modul dan implikasi terhadap kegagalan pelajar memenuhi syarat tersebut adalah seperti Jadual 11.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 26/32


SYARAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR	IMPLIKASI
Kehadiran tidak kurang dari 80% bagi setiap modul	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak layak menduduki peperiksaan akhir bagi modul umum berkenaan. • Tidak dinilai bagi modul teras berkenaan. • Modul dinilai Gagal (G). • Status: Ulang Modul.

Jadual 11 : Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir dan Implikasi terhadap kegagalan pelajar memenuhi syarat yang ditetapkan

- (d) Bagi ketidakhadiran keseluruhan melebihi 12 hari, pelajar akan digantung latihan bagi semester tersebut dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir. Semua penilaian bagi semester berkenaan tidak akan dikira dan perlu mengulang keseluruhan semester tersebut.

14.7 Keputusan Peperiksaan Akhir

- (a) Pengesahan keputusan peperiksaan akhir akan disahkan melalui MJKPP institut. Keputusan perlu dihebahkan kepada pelajar sebelum pelajar lama mendaftar;
- (b) Pelajar boleh membuat rayuan penyemakan semula skrip jawapan peperiksaan bagi mana-mana kursus dalam tempoh 7 hari selepas keputusan diumumkan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peperiksaan dan Persijilan (MJKPP);

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 27/32

- (c) Bayaran sebanyak RM 50.00 bagi satu kertas peperiksaan akan dikenakan untuk tujuan tersebut. Rayuan semakan hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap kursus. Prosedur ini hanya terhad kepada peperiksaan teori sahaja.


14.8 Ko-kurikulum

Ko-kurikulum adalah modul HADIR WAJIB (HW) pada semester pertama dan kedua. Nilai kredit bagi modul Ko-kurikulum adalah satu kredit.

Nilai gred Ko-kurikulum tidak dikira dalam pengiraan PNGK tetapi merupakan syarat bergraduasi.

Pengecualian ko-kurikulum hanya akan dibenarkan kepada pelajar atas sebab kesihatan atau keilatan dengan pengesahan daripada klinik atau hospital kerajaan sahaja.

- (a) Sehingga sesi kemasukan Januari 2015, syarat kehadiran minimum bagi modul ko-kurikulum adalah 90% dan kredit diberi untuk graduasi tetapi tidak dikira dalam PNGK;
- (b) Bermula sesi kemasukan Julai 2015, syarat kehadiran minimum bagi modul ko-kurikulum adalah 80% dan kredit tidak diberi untuk graduasi dan tidak dikira dalam PNGK.


	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 28/32

14.9 Projek Tahun Akhir (PTA)


- (a) Penilaian dan pemarkahan bagi PTA ini adalah berdasarkan kepada panduan penilaian yang sedang berkuatkuasa;
- (b) Bilangan maksimum pelajar yang dibenarkan bagi setiap kumpulan ialah 3 orang.
- (c) Mulai sesi kemasukan Julai 2015, PTA terbahagi kepada dua peringkat iaitu PTA 1 dan PTA 2. PTA 1 merupakan pra-syarat bagi PTA 2.
- (d) Sekiranya gagal, pelajar dikehendaki mengulang semula dalam tempoh yang dibenarkan.

14.10 Latihan Industri (LI)

- (a) Nilai kredit bagi LI adalah merujuk kepada silibus yang digunakan dan pekeliling semasa JTM.
- (b) Pelajar layak menjalani LI sekiranya memenuhi pra-syarat berikut:-
 - (i) Memperolehi PNGK 2.00 ke atas;
 - (ii) Telah lulus semua modul teras;
 - (iii) Telah mendapat kelulusan pihak institut.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 29/32

- (c) Penilaian dan pemarkahan bagi LI adalah berdasarkan kepada:-
- (i) Laporan kehadiran pelajar (kurang 90% kehadiran dianggap gagal);
 - (ii) Buku log harian pelajar;
 - (iii) Laporan penyelia / ulasan syarikat;
 - (iv) Laporan Pegawai Penilai Latihan Industri;
 - (v) Laporan eksekutif.
- (d) Mulai sesi kemasukan Julai 2015, nilai kredit bagi LI akan dinilai sebagai kredit bergraduasi dan ianya TIDAK DIKIRA dalam sistem PNGK pelajar;
- (e) Pengecualian LI hanya boleh diberikan kepada kes-kes berikut:-
- (i) Pelajar yang sedang melanjutkan latihan di peringkat Sijil Juruteknik Perindustrian (SJP) dan ditawarkan ke peringkat Sijil Teknologi Perindustrian (STP) di ILJTM diberi pengecualian pelaksanaan LI di peringkat SJP;
 - (ii) Pelajar yang telah menjalani LI di peringkat Sijil Juruteknik Perindustrian (SJP) dan ditawarkan ke peringkat Sijil Teknologi Perindustrian (STP) di ILJTM diberi pengecualian LI di peringkat STP;
 - (iii) Pelajar yang sedang melanjutkan latihan di peringkat Sijil Teknologi Perindustrian (STP) dan ditawarkan ke peringkat Diploma ILJTM diberi pengecualian pelaksanaan LI di peringkat STP.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 30/32

- (f) LI dilaksanakan sekali sahaja dan ulang LI adalah tidak dibenarkan. Rayuan bagi keputusan LI boleh dibuat secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Jabatan dalam tempoh masa 10 hari bekerja dari tarikh keputusan LI diumumkan.

14.11 Ulang Modul (UM)


- (a) Pelajar yang gagal modul dikehendaki mengulang modul berkenaan dalam tempoh latihan yang dibenarkan;
- (b) Semua markah penilaian bagi kerja kursus atau Peperiksaan akhir terdahulu tidak boleh dibawa ke dalam penilaian untuk ulang modul;
- (c) Pengiraan PNGK bagi Ulang Modul, kredit kira dan mata nilai terkini modul yang diulang akan diambikira, dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dikekalkan.

15. KEDUDUKAN AKADEMIK

15.1 Status Akademik


Pencapaian keseluruhan pelajar dinilai dengan menggunakan dua ukuran iaitu PNG untuk sesuatu semester dan PNGK untuk kesemua semester yang telah diikuti.

Status kedudukan akademik pelajar ditentukan pada setiap semester dengan menggunakan PNGK seperti dalam Jadual 11.

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 31/32

BIL.	STATUS	KRITERIA	IMPLIKASI
1.	LULUS	<ul style="list-style-type: none"> • PNGK \geq 2.0 	<ul style="list-style-type: none"> • Layak untuk menyambung ke semester berikutnya. • Memenuhi salah satu syarat penganugerahan sijil.
2.	DALAM PERHATIAN	<ul style="list-style-type: none"> • PNGK antara 1.67 hingga 1.99 pada mana-mana semester kecuali semester akhir. • Gagal tidak melebihi 5 unit kredit pada mana-mana semester. 	<ul style="list-style-type: none"> • Layak untuk menyambung ke semester berikutnya. • Mengulang subjek yang gagal pada semester berikutnya. • Disingkirkan sekiranya mendapat status dalam perhatian sebanyak 2 kali.
3.	GAGAL	<ul style="list-style-type: none"> • PNGK kurang daripada 1.67 pada mana-mana semester. • Mempunyai PNGK diantara 1.67 hingga 1.99 dan gagal melebihi 5 unit kredit pada mana-mana semester. • PNGK kurang daripada 2.0 semasa semester akhir. 	<ul style="list-style-type: none"> • Diberhentikan pengajian. • Tidak layak mengulang modul dan meneruskan pengajian ke semester berikutnya.

Jadual 11 : Kedudukan Akademik

	PANDUAN SISTEM LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENILAIAN ILJTM (SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN)	PINDAAN : 9
		TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2015
		MUKA SURAT : 32/32

15.2 Rayuan Keputusan Akademik

Pelajar yang mendapat status Gagal boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Jabatan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh keputusan diumumkan.

16. PENGANUGERAHAN SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA LANJUTAN

Pelajar-pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat berikut layak diperakukan untuk menerima Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan yang dianugerahkan oleh Jabatan Tenaga Manusia:-

- (a) Lulus semua modul yang telah ditetapkan;
- (b) Memperolehi sekurang-kurangnya PNGK 2.00;
- (c) Lulus Projek Tahun Akhir (Diploma dan Diploma Lanjutan sahaja);
- (d) Lulus Latihan Industri;
- (e) Disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Jabatan Tenaga Manusia;
- (f) Memenuhi lain-lain syarat yang ditetapkan.

Lampiran 1

Tempoh latihan dan had tangguh setiap persijilan SEHINGGA sesi kemasukan Januari 2014 bagi peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan sebagaimana yang telah ditetapkan seperti dalam jadual di bawah:-

JENIS PERSIJILAN	TEMPOH LAZIM (SEMESTER)	SEMESTER TAMBAHAN (HAD TANGGUH)
Sijil Juruteknik Perindustrian	3	1
Sijil Teknologi Perindustrian	4 - 5	2
Diploma Teknologi Perindustrian	3 - 6	2
Diploma Lanjutan Teknologi Perindustrian	4	2

Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia,
Aras 6, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel : 03-88865555 Faks : 03-88892417